

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 25 MEI 2016 [RABU]

SOALAN : 62

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) secara spesifik mengenai statistik harta-harta yang dikhaskan untuk masyarakat India, kuil-kuil berdaftar di setiap negeri, tanah perkuburan yang diwartakan di setiap negeri dan dana untuk masyarakat India di Malaysia; dan
- (b) punca-punca dan faktor-faktor yang menghalang Kerajaan Pusat untuk membenarkan penubuhan Lembaga Wakaf Hindu di seluruh Malaysia, seperti yang ada di Pulau Pinang, iaitu Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHNPP).

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil bancian pada tahun 2010 hingga 2015 oleh Malaysia Hindu Sangam (MHS) dengan sokongan Kerajaan menunjukkan terdapat kira-kira 2,277 kuil Hindu di seluruh Malaysia. Manakala sebanyak 749 kuil adalah kuil-kuil yang berdaftar melalui persatuan penganut masing-masing dengan Pendaftar Pertubuhan.

Bagi pembiayaan pula, sejak tahun 2009, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional telah memperuntukkan dana khas berjumlah RM43 juta untuk membaik pulih dan membina kira-kira 1,100 kuil-kuil Hindu dan tempat ibadat kaum India yang lain di seluruh negara.

Di samping itu, Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Mengenal Pasti Dan Memantau Penyertaan Masyarakat India Di Dalam Program Dan Projek-Projek Kerajaan (CCIC) telah mengenalpasti sebanyak 15 buah krematorium untuk dibina di kawasan yang mempunyai kepadatan masyarakat India yang tinggi. Kawasan ini antaranya ialah Kapar, Teluk Kemang, Batu Kawan, Sg. Siput, Segamat dan sebagainya. Agensi kerajaan yang telah diberi mandat untuk menyelaras dan melaksana projek pembinaan krematorium ini adalah Unit Penyelaras dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

(b) Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Tugas-Tugas Menteri 1969 hanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang kepada Jemaah Menteri dan Parlimen pada setiap tahun. Kementerian-kementerian yang membentangkan laporan tahunan adalah:

- i) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia dari tahun 2000 hingga 2005;

- ii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari tahun 2005 hingga 2014; dan
- iii) Unit Pembangunan Penjaja, Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu Pulau Pinang di Jabatan Perdana Menteri sejak 2014 hingga masa kini.

Merandangkan kuasa pentadbiran Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang adalah di bawah kawalseliaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, maka adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam penubuhan Lembaga Wakaf Hindu di negeri masing-masing melalui Enakmen yang khusus di Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Tambahan pula, isu tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kebanyakannya isu-isu didapati melibatkan kuil dan juga tanah perkuburan yang juga sebahagian daripada isu tanah secara khususnya. Oleh itu, Kerajaan Negeri adalah pihak berkuasa yang tepat untuk dirujuk dalam aspek penubuhan dan pentadbiran Lembaga Wakaf Hindu di negeri masing-masing seperti mana Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah lama ditadbir oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusi oleh YB Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.